



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
CENTRAL SPINE ROAD**

**PAKEJ 3: GUA MUSANG, KELANTAN KE KAMPUNG RELONG,
PAHANG**

SEKYSEN 3E1: MENTARA KE MERAPOH, PAHANG

PADA 26 JULAI 2020, AHAD

Terima kasih saudara pengacara majlis

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kepada hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan segala rahmatNya, dapat kita semua berkumpul bagi meraikan Majlis Perasmian Pembukaan Central Spine Road, Seksyen 3E1 dari Mentara ke Merapoh, Pahang. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin yang dihormati,

2. Dalam *Rolling Plan* Keempat, tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM412 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan, jambatan dan cerun di Negeri Pahang. Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur bermutu tinggi kepada seluruh rakyat terutamanya kepada penduduk di kawasan pantai Timur Semenanjung Malaysia.

3. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Pahang ialah Projek Central Spine Road dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 347 kilometer yang dibahagikan kepada enam (6) pakej utama dengan kos keseluruhan sebanyak RM8.7 bilion. Selaras dengan keperluan aspek keselamatan dan aspek kesesakan lalu lintas semasa, pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan

Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan keutamaan pelaksanaan bagi Pakej 3 dari Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang disebabkan isu keselamatan.

4. Pakej 3 Projek Central Spine Road melibatkan jajaran dari Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang sepanjang 93.4 kilometer dan dibahagikan kepada 10 seksyen pembinaan. Tiga (3) seksyen iaitu jajaran dari KM180.5 FT08 ke Mentara dan jajaran dari Kampung Seberang Jelai ke Kampung Relong adalah di peringkat pembinaan, manakala enam (6) seksyen iaitu dari Mentara ke Kampung Seberang Jelai, Pahang sepanjang 61 kilometer telah pun siap dibina. Jajaran yang telah siap dan akan dirasmikan sebentar lagi ialah Seksyen 3E1 iaitu dari Mentara ke Merapoh, Pahang sepanjang 5.4 kilometer.

5. Skop kerja yang dilaksanakan bagi projek dengan kos pembinaan sebanyak RM93.58 juta ini ialah membina jalan baru 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 5.4 kilometer, satu (1) persimpangan bertingkat di Mentara, satu (1) persimpangan *left in left out* di Merapoh, satu (1) buah jambatan, dua (2) *vehicular box culvert* dan enam (6) *box culvert*. Seksyen ini telah dimulakan pada 19 September 2016 dan telah berjaya disiapkan pada 16 Februari 2020. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak JKR, perunding, kontraktor dan semua pihak yang terlibat kerana telah melaksanakan projek ini dengan jayanya.

6. Seperti para hadirin sedia maklum, Jalan Persekutuan FT08 sedia ada merupakan jalan utama dari Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada musim perayaan. Sehubungan itu, Projek Central Spine Road merupakan laluan

alternatif yang lebih selesa dan selamat bagi pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap sepenuhnya kelak. Projek berimpak tinggi ini juga sudah tentu akan melengkapkan lagi peta pembangunan infrastruktur di Negeri Pahang serta menjadi pemangkin pembangunan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.